

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 13 JANUARI 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Herba misai kucing tiga kali ganda besar	Kosmo
2	Penduduk resah cuaca panas ekstrem	Utusan Malaysia
3	Chuping paling panas 36 darjah celsius	Berita Harian
4	Dam levels monitored as Super El Nino hot up	Malay Mail
5	Dept: Heatwave to last until March	New Straits Times
6	Lapan pensyarah sertai pelayaran saintifik 4,000 KM ke Benua Antartika	Bernamea.com
7	El Nino: Kurangkan aktiviti luar bilik darjah MB Negeri Sembilan	Bernamea.com
8	Perlis mungkin catu air jika fenomena El Nino berlanjutan	Bernamea.com
9	MOA guna pam bergerak bantu petani hadapi kemarau	Bernamea.com
10	IADA peruntuk RM425,000 hadapi fenomena El Nino	Bernamea.com

Herba misai kucing tiga kali ganda besar

Kajian fisiologi peringkat awal mendapati saiz pertumbuhan herba misai kucing di bawah panel solar terutamanya di bahagian daun, pucuk dan misai adalah tiga kali ganda besar berbanding biasa.

DARI jauh kelihatan seorang lelaki sedang menyusun anak pokok untuk dipindahkan ke satu kawasan bagi melindunginya daripada pancaran terik matahari.

Bila diamati anak-anak pokok tersebut merupakan herba misai kucing. Ia dipindahkan oleh Dr. Mohammad Effendy Yaacob di bawah panel sistem solar yang terletak di Ladang Agro-PV UPM yang terletak bersebelahan Hutan Simpan Puchong, Selangor.

"Pokok herba misai kucing yang diletakkan di bawah panel solar akan mencapai tempoh matang lebih cepat berbanding penanaman di bawah kondisi normal.

"Kajian fisiologi peringkat awal mendapati, saiz pertumbuhan herba misai kucing di bawah panel solar terutamanya di bahagian daun, pucuk dan misai adalah tiga kali ganda besar berbanding biasa," katanya yang merupakan penyelidik di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Mohammad Effendy berkata, tumbuhan herba itu dipilih berikutan kehidupannya di habitat asal di hutan yang terlindung daripada pancaran terik matahari.

"Herba Misai Kucing atau nama saintifiknya, *Orthosipon Stamineus* didapati sesuai untuk penanaman itu setelah menjalani uji kaji lapangan di tapak teknologi Solar Fotovoltak (PV) berkapasiti 10kWp.

"Hasil pemerhatian fizikal mendapati, tumbuhan ini tumbuh sihat dan aspek-aspek morfologi dipertingkatkan setanding keadaan biasa. Akar dan cabang tumbuhan adalah segar yang menunjukkan pertumbuhan agresif serta ia boleh dituai dalam masa ditetapkan iaitu sekitar tiga bulan," jelasnya.

Tambahnya, herba misai kucing yang ditanam di bawah panel solar itu selamat dan bebas daripada sebarang radiasi.

"Sampel herba misai kucing yang



HERBA misai kucing yang ditanam di bawah panel solar bebas daripada sebarang radiasi.

DARI kanan: Mohammad Effendy menerangkan tentang penanaman herba misai kucing di bawah panel solar kepada Pengerusi SSPSB, Datuk Chairil Nazri dan Pengarah Urusan, SSPSB, Razali Osman.

ditanam di bawah panel solar ini telah dihantar ke makmal klinikal untuk pengujian asas menentukan adakah ia selamat dimakan.

"Ujian dijalankan berdasarkan kepada syarat-syarat dari Biro Kawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPCB) sebagai garis tapak untuk makanan tambahan.

Keputusan menunjukkan yang herba itu selamat dimakan dan mempunyai kandungan protein yang baik," jelasnya.

Penjanaan tenaga elektrik daripada sinaran matahari bukanlah suatu perkara baharu malahan ia telah lama diperkenalkan.

Tenaga suria adalah antara tenaga yang boleh diperbaharui dan ia lebih


selamat, mesra alam dan tidak akan habis seperti tenaga konvensional iaitu minyak dan gas.

Kebanyakan negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Jerman telah menggunakan tenaga suria sebagai satu alternatif untuk menjana tenaga elektrik.

Namun jarang sekali kita melihat ada pihak yang mengambil inisiatif untuk menggunakan ruang terbiar di bawah panel solar untuk mengusahakan tanaman berasaskan pertanian.

Namun Fakulti Kejuruteraan UPM melalui Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan dan Pusat Penyelidikan Kuasa dan Tenaga Maju telah menjalin kerjasama penyelidikan bersama pihak

DAUN herba misai kucing (dalam bulatan) yang ditanam di bawah panel solar lebih besar berbanding kaedah biasa.



SAMBUNGAN...
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 31
TARIKH : 13 JANUARI 2016 (RABU)

44 Solar System Power Sdn. Bhd. (SSPSB) untuk memfokuskan kepada operasi Ladang Agro-PV. Di Ladang Agro-PV itu, UPM menanam pokok herba misai kucing di bawah panel solar tersebut untuk dijadikan produk makanan kesihatan tambahan iaitu Java Tea-PV.

Pemangkin

Tambahnya, Ladang Agro-PV itu menggunakan teknologi Solar Fotovoltaiik (PV) yang merupakan teknologi paling pesat berkembang di dunia di bawah skop tenaga boleh diperbaharui.

"Ia mempunyai ciri-ciri unik yang boleh direka bentuk dan dipasang pada pelbagai skala sama ada untuk rumah kediaman sehingga ladang solar berskala besar ke grid utiliti yang membekalkan kuasa bagi pengguna domestik.

"Kerjasama tersebut akan menjadi suatu mekanisme pemangkin untuk anjakan penyelidikan di UPM terutamanya dalam bidang integrasi agro-PV bagi memanfaatkan sepenuhnya sumber tenaga matahari yang bebas diperolehi secara percuma," jelasnya.

Tambahnya, antara skop penyelidikan yang akan diterajui melalui kerjasama itu adalah melakukan kajian keberkesanan penjanaan tenaga elektrik melalui ladang Solar PV berkapasiti besar di bawah kesan suhu tropika.

"Selain itu, kami juga akan mengkaji penggunaan ruang bawah panel solar untuk penanaman herba lestari yang lain serta melihat kesesuaian pertumbuhan dan fisiologi pokok herba itu.

"Kami juga akan mengkaji lapangan tanaman herba sebagai mekanisme dalam menyejukkan suhu panel solar serta meningkatkan efisiensi janaan tenaga," jelasnya.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Madius Tangau berkata, inovasi yang dihasilkan UPM tersebut merupakan satu teknologi yang bagus kerana menggunakan ruang terbiar di panel tenaga solar dengan menanam tanaman herba.

"Tidak semua tanaman sesuai ditanam di

HASIL kajian UPM membuktikan tapak tenaga solar sesuai dijadikan ladang bagi tanaman yang bersesuaian.



MADIUS TANGAU (kanan), menandatangani plak perasmian ladang Agro-PV UPM yang terletak bersebelahan Hutan Simpan Puchong, Selangor baru-baru ini.

bawah panel solar ini. Hasil kajian UPM, mereka menemui tanaman yang sesuai dan hasilnya boleh dikomersialkan.

"Bagi MOSTI ia merupakan satu inovasi yang penting untuk memperkenalkan produk-produk baharu di pasaran," jelasnya pada media selepas merasmikan Ladang Agro-PV baru-baru ini.

Tambah Madius Tangau, kementerian meminta penyelidik menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan dan sedia untuk dipasarkan kepada orang ramai.

"Kita tidak mahu hasil kajian hanya di atas kertas. Mereka perlu menghasilkan produk yang boleh digunakan orang ramai dan inilah dipanggil sains perniagaan.

"Kerajaan amat menggalakkan penyelidikan dalam program teknologi hijau dan sebab itu kita beri galakan dan insentif," katanya.

Dalam pada itu, Madius Tangau berkata, usaha membangunkan teknologi solar juga seiring dengan galakan kerajaan untuk memajukan teknologi hijau serta tenaga boleh diperbaharui.

INFO Ladang Agro-PV

- **Lokasi:** Bersebelahan Hutan Simpan Puchong, Selangor
- **Jenis tanaman:** Misai kucing
- **Keluasan:** 3 hektar



Suhu cecah 36 darjah Celsius di Lubuk Merbau

Penduduk resah cuaca panas ekstrem

Oleh **ASLIZA MUSA**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA KANGSAR 12 JAN.

PENDUDUK di kawasan paling panas di negara ini kesan daripada fenomena El Nino, Lubuk Merbau di sini memilih untuk berada di dalam rumah bagi mengelak terdedah kepada komplikasi kesihatan.

Kawasan tersebut yang kini mengalami cuaca kering mencatatkan suhu mencecah 36 darjah Celsius.

Seorang pesara tentera, **Ahmad Satar Mahadi**, 52, berkata, bahang panas itu bukan sahaja dialami penduduk di kawasan itu pada waktu siang malah turut dirasai pada waktu malam.

Katanya, walaupun hujan dan cuaca mendung, ia tetap tidak memberi perbezaan besar berikutan haba panas masih dapat dirasakan.

"Cuaca panas memang mengganggu aktiviti harian kami tambahan lagi bagi saya yang bekerja sebagai tukang rumah. Walaupun hujan tetapi sekejap dan bahang panas itu masih tetap terasa."

"Sekarang, malam pun panas inikan pula waktu siang. Jadi, sebagai bapa, saya hadkan aktiviti anak-anak termasuk tidak menggalakkan mereka bermain di luar," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Semalam, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, suhu tertinggi yang dicatatkan akibat El Nino kali ini ialah 36 darjah Celsius di Lubuk Merbau.

Kali terakhir El Nino melanda negara adalah pada 1997 dan 1998 yang suhu tertinggi dicatatkan adalah di



AHMAD SATAR MAHADI



NOR ASIAH MOHAMAD



MOHAMAD HUSAINI SAAD



Cuaca panas memang mengganggu aktiviti harian kami tambahan lagi bagi saya yang bekerja sebagai tukang rumah. Walaupun hujan tetapi sekejap dan bahang panas itu masih tetap terasa."

AHMAD SATAR MAHADI
Pesara tentera

Chuping, Perlis iaitu 40.1 darjah Celsius.

Sementara itu, seorang suri rumah, **Nor Asiah Mohamad**, 35, berkata, setiap hari dia akan memastikan bekalan air untuk kedua-dua anaknya yang masih bersekolah sentiasa mencukupi bagi memastikan kesihatan mereka tidak terganggu.

Katanya, dua anaknya yang masing-masing berusia tujuh dan lapan tahun juga sering mengadu kerana

tidak tahan dengan cuaca panas terik itu.

"Panas kali ini memang rasa lain, rasa perit sangat. Saya sendiri apabila keluar untuk ambil anak-anak dari sekolah pun bawa air."

"Mereka ada mengadu tidak tahan dengan cuaca panas ini, jadi saya memang tidak izinkan mereka bermain di luar kerana risau kesihatan mereka akan terjejas," katanya.

Bagi Guru Besar Sekolah Kebangsaan Syeikh Mohd. Idris Al-Marbawi, Lubuk Merbau, **Mohamad Husaini Saad**, murid sekolah itu bukan sahaja dilarang bermain di kawasan panas malah perlu berada di tempat teduh semasa menunggu penjaga untuk pulang ke rumah.

Katanya, pihaknya turut menyediakan air yang disuling bagi membolehkan murid mendapatkan bekalan air yang cukup untuk diminum.


"Kepanasan cuaca sekarang memang terasa malah bahangnya menyebabkan kita cepat berpeluh."

"Bagi pihak sekolah, bermula pukul 11, memang tiada aktiviti padang untuk murid. Kita juga larang mereka bermain di tempat panas dan galakkan mereka minum air dengan banyak," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 13 JANUARI 2016 (RABU)

INFO

Suhu tertinggi di seluruh negara



Chuping paling panas 36 darjah Celsius

» Suhu tinggi petanda awal kehadiran El Nino dijangka berlarutan hingga Mac

■ Kuala Lumpur

Kawasan Chuping di Perlis direkod sebagai lokasi paling panas di negara ini apabila catatan bacaan suhu maksimum semalam mencecah 36 darjah Celsius.

Bacaan itu direkodkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berdasarkan pemantauan sejak beberapa hari lalu terutama pada waktu petang dan ia menjadi tanda awal kehadiran fenomena El Nino yang dijangka berlarutan sehingga Mac ini.

Bagaimanapun, rekod itu dianggap masih rendah berbanding catatan tertinggi 40.1 darjah Celsius yang pernah direkodkan Chuping ketika negara menerima ke-

san fenomena sama pada 1998.

Jurucakap MetMalaysia ketika dihubungi berkata, berdasarkan pemantauan, Perlis khususnya Chuping sememangnya sering mencatat bacaan suhu yang tinggi, tetapi ia masih dianggap normal berbanding kepada bacaan suhu biasa di kawasan itu.

Hujan berkurangan

"El Nino akan menyebabkan penerimaan hujan berkurangan dan biasanya suhu meningkat antara 0.5 hingga dua darjah Celsius, namun ketika ini kesannya masih belum dirasai."

"Kita percaya penerimaan hujan yang tinggi sepanjang Disember lalu menyebabkan suhu masih kekal pada tahap biasa dan kita jangka kesan El Nino mula dirasai selepas bulan depan dengan kemuncaknya sepanjang Mac," katanya.

Ditanya mengenai Kedah, jurucakap itu berkata suhu tertinggi direkodkan ketika ini ialah antara 34 hingga 35 darjah Celsius.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah mengesahkan berlaku peningkatan kes kebakaran terutama membabitkan ladang, belukar dan ke-

"Kita percaya penerimaan hujan yang tinggi sepanjang Disember lalu menyebabkan suhu masih kekal pada tahap biasa dan kita jangka kesan El Nino mula dirasai selepas bulan depan dengan kemuncaknya sepanjang Mac"

Jurucakap MetMalaysia

bun sepanjang tempoh 10 hari pertama tahun ini, dipercayai ada kaitan dengan kesan El Nino.

Di Johor Bahru, Pengarah Met-Malaysia negeri, Amirzudi Hashim berkata, suhu dijangka mencecah 33 hingga 34 darjah Celsius bagi tempoh lima hari bermula hari ini dan pihaknya akan memantau suhu pada setiap jam di empat stesen iaitu di Kluang, Senai, Batu Pahat dan Mersing.

Di Pahang, bacaan suhu tertinggi semalam dicatat mencecah 34 darjah Celsius di daerah Bera dan Lipis, manakala suhu di Cameron Highlands 22 Celsius.

Suhu panas itu menyebabkan orang ramai memilih berada di rumah atau di pusat beli-belah bagi mengelak kesan sampingan kepada kesihatan.

Di Port Dickson, cuaca panas sejak minggu lalu, tidak menjejaskan kunjungan orang ramai ke pantai perangan di sini.

Pelancong dari Yaman, Khalil Al-Saidi, 28, yang bercuti bersama sepupu dan rakannya di negara ini sejak dua bulan lalu berkata, perubahan cuaca sekarang tidak menjejaskan percutiannya di sini.

Di Shah Alam, cuaca panas memberi impak kepada penduduk di sekitar bandar raya ini apabila ramai penduduk mengurangkan aktiviti luar terutama ketika suhu meningkat.

Aktiviti selepas jam 5 petang

Pelajar Tingkatan Satu dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 7, Aliff Aizan Nizan, berkata pentadbiran sekolahnya sudah mengeluarkan arahan supaya semua aktiviti pendidikan jasmani dan sukan dijalankan selepas jam 5 petang.

Di Georgetown pula, pelancong asing lelaki dilihat hanya berseluar pendek akibat tidak tahan bahang panas yang melanda sejak minggu lalu.

Pelancong Jerman, Ilse Zelig, 56, berkata cuaca panas sejak tiga hari lalu, adalah normal dan tidak menghalangnya melihat kehidupan masyarakat tempatan di negara ini.

Bagaimanapun, pelancong Ireland, Mary Jane, 23, berkata cuaca terlalu panas menyebabkan dia tidak dapat berjemur di pantai kerana tidak tahan dengan bahang pasir.

Dam levels monitored as Super El Nino hots up

Except for the Timah Tasoh dam in Kangar, there has been no drastic drop in water levels in most states despite the dry conditions caused by El Nino.

PETALING JAYA — States in the peninsula are getting ready to face the arid conditions expected due to the Super El Nino phenomenon, which will last until April.

Although heavy rainfall last month filled up reservoirs and dams in the peninsula, state authorities are monitoring its levels to ensure water supply would not be interrupted.

In Perak, state public facilities, infrastructure, energy and water committee chairman Datuk Zainol Fadzi Paharuddin said the government was keeping a watchful eye on the situation although its dams can continue supplying water for up to six months during droughts.

This follows widespread concern that water levels would be falling nationwide during the ongoing dry spell.

"We are always monitoring the water levels, including at water catchment areas and dams. We also receive status reports on a daily basis," Zainol said when contacted yesterday.

"There has not been any drastic change, and the water in the dams are at their usual levels."

Zainol said the state still experienced wet weather despite the dry spell, adding that there had been minimal fluctuations in water levels, but explained that these changes were usually caused by rainfall.

"Most of our dams can withstand drought-like conditions for up to six

months. With that in mind, we hope water rationing does not arise," he said.

In Kangar, Bernama reported the Perlis state government could resort to water rationing if the drought becomes prolonged.

State natural resources and environment committee chairman Datuk Mat Rawi Kasim said this could not be avoided if the water level at the Timah Tasoh Dam continue to drop.

"Perlis residents are urged to be prepared in case water rationing is done and to use water sparingly," he said.

The state's water supply mainly comes from the Muda Irrigation Scheme for residents in the south and the Timah Tasoh Dam for the northern region.

The Meteorological Department has forecast that Perlis and Kedah would be the worst hit by El Nino.

Mat Rawi said the last major drought in Perlis was in the 1970s before the construction of the Timah Tasoh Dam.

To conserve water, Mat Rawi urged Syarikat Air Perlis to repair leaking pipes immediately.

He also reminded the public not to carry out open burning as fires could easily spread in the dry weather.

In Shah Alam, Selangor executive councillor in charge of the environment Zaidy Abdul Talib said the state government was well prepared to mitigate the effects of El Nino.

He said pumping of raw water from retention ponds around Bestari Jaya to complement the water supply system in the state started on Jan 8, producing about 200 million litres daily (MLD). Cloud seeding would be carried out if needed, he added.

"Based on our calculations, should there be no rain, the Klang Gates Dam will reach a critical level in 106 days, the Subang Dam in 220 days, Batu Dam in 189 days, Langat Dam in 80 days and Semenyih Dam in 229 days.

"The Sungai Selangor Dam can still produce 1,200 MLD for 134 days and the Sungai Tinggi Dam can produce 1,000 MLD for 67 days," he said in a statement.

He added that raw water was also being pumped from the Semenyih Dam (70MLD) to the Sungai Langat treatment plant while water was also being diverted from the Langat 2 tunnel to increase supply to the Sungai Langat, Bukit Tampoi and Cheras Batu 11 water treatment plants.

Beat the heat

▶ Avoid beverages that are dehydrating such as those with caffeine, alcohol or sweet drinks.

▶ Opt for hydrating food. Cucumber, iceberg lettuce and celery are good options, with water content of more than 95 per cent.

Temperature forecast today

KOTA BARU

Max: 33°C

KUALA TERENGGANU

Max: 32°C

KUANTAN

Max: 33°C

GEORGE TOWN

Max: 34°C

IPOH

Max: 36°C

ALOR STAR

Max: 38°C

KANGAR

Max: 38°C

KUALA LUMPUR

Max: 35°C

PETALING JAYA

Max: 35°C

SEREMBAN

Max: 35°C

MALACCA

Max: 35°C

JOHOR BARU

Max: 34°C

KUCHING

Max: 35°C

KOTA KINABALU

Max: 34°C

LABUAN

Max: 32°C

Source: worldweatheronline.com

PRIME NEWS

Dept: Heatwave to last until March

HOTTER DAYS

AHEAD: People advised to be frugal to prevent shortage of clean water supply

MINDERJEET KAUR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE hottest spots in the country this week are Lubuk Merbau in Perak and Prai in Penang, with temperatures peaking at 36°C, while Langkawi has not

seen rain in the past 29 days.

The Meteorological Department is predicting hotter days with less rainfall in some parts of Perak, Kedah, Selangor, Negri Sembilan, Malacca, Johor, Kelantan, Pahang and Sabah, which last experienced showers 11 days ago.

All schools are on high alert after the Education Ministry issued a circular last week to have enough water supply at all times and use discretion regarding outdoor activities.

The Health Ministry has warned of a possible 50 per cent increase in dengue cases.

The latest weather reports showed that Monday was the hottest day for this week so far, spiking at 35°C in seven areas — Petaling Jaya, Sepang and Subang

(Selangor), Temerloh and Batu Embun (Pahang), Mulu (Sarawak) and Alor Star (Kedah).

Another 12 areas — Sri Aman, Limbang and Kapit (Sarawak), Setiawan and Ipoh (Perak), Senai and Batu Pahat (Johor), Muadzam Shah (Pahang), Malacca, Kuala Krai (Kelantan), Langkawi (Kedah), and Gong Kedak (Terengganu) — reported temperatures of 34°C.

Meteorological Department records show the normal temperatures in these areas were between 29 and 32°C.

Its deputy director-general (weather and climate) Alui Bahari said the warm and dry weather would reduce rainfall by between 20 and 60 per cent, especially in Perlis, Kedah, Penang, northern Perak and eastern Sabah, while Ke-

Peak temperatures since last week

Perak: **Lubuk Merbau**
Penang: **Prai**

36°C

Klang Valley: **Petaling Jaya, Sepang & Subang**
Pahang: **Temerloh & Batu Embun**
Sarawak: **Mulu**
Kedah: **Alor Star**

35°C

34°C

Sarawak: **Sri Aman, Limbang & Kapit**
Perak: **Setiawan & Ipoh**
Johor: **Senai & Batu Pahat**
Pahang: **Muadzam Shah**
Malacca
Kelantan: **Kuala Krai**
Kedah: **Langkawi**
Terengganu: **Gong Kedak**



lantan, Terengganu, western Sabah and eastern Sarawak would receive 20 to 40 per cent less rain until March.

"Besides less rainfall, the temperature is expected to go up by 0.5 to 2°C nationwide."

The department advised

Malaysians to be frugal in using water due to a possible shortage of clean water supply as a result of less rainfall.

"People are also advised to reduce outdoor activities during hot weather to avoid health problems caused by the strong heat."



Lapan Pensyarah Sertai Pelayaran Saintifik 4,000 KM Ke Benua Antartika

SHAH ALAM, 12 Jan (Bernama) -- Sekumpulan lapan pensyarah dari enam universiti awam dan swasta akan menyertai pelayaran saintifik selama 22 hari ke benua Antartika bermula Isnin depan, bagi melakukan penyelidikan dalam pelbagai bidang.

Program 'Ekspedisi Penyelidikan Antartika Malaysia 2016' dengan kos RM450,000 merupakan penjelajahan pertama dibiayai geran penyelidikan [Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan \(YPASM\) ke benua berkenaan dan mendapat kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\).](#)

Lapan pensyarah berkenaan ialah Dr Mohamad Huzaimy Jusoh dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Goh Thian Lai dan Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Dr Emienour Muzalina Mustafa dari Universiti Malaya (UM).

Dr Mohd Rauhan Wan Hussin dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Foong Swee Yeok dan Muhamad Hilal Mohd Zainudin dari Universiti Sains Malaysia (USM) serta Aniqah Zulfa Abdul Latif dari International Medical University (IMU) juga menyertai ekspedisi itu.

Kumpulan itu akan berlepas ke Argentina esok dan dijangka memulakan pelayaran sejauh 4,000 kilometer dari Pelabuhan Ushaia di negara itu pada Isnin depan sebelum kembali ke tanah air pada 14 Feb ini.

Ketua ekspedisi yang juga pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTM Dr Mohamad Huzaimy berkata ekspedisi itu memilih untuk menggunakan kapal layar sepanjang 22 hari di benua berais itu.

Ini kerana, kapal layar dilihat lebih relevan dalam melakukan aktiviti persampelan malah, ia mudah mengakses kawasan tertentu yang terlibat dalam kajian saintifik masing-masing.

"Kapal layar yang digunakan adalah 'Yacht Autralis' milik Australia. Ia menyediakan tiga anak kapal bagi membantu kumpulan kami mengemudinya sepanjang ekspedisi ini nanti," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Menurutnya walaupun Januari merupakan musim panas di benua Antartika, namun cuacanya boleh berubah secara mendadak dan dijangka mampu mencecah negatif lima hingga negatif 24.

"Disebabkan itu, kita telah memulakan persediaan untuk ekspedisi ini sejak setahun lepas termasuk persediaan mental, fizikal, aspek keselamatan dan peralatan kajian.

"Aspek pemakanan juga ditentukan bagi memudahkan kami menyesuaikan diri dengan tahap kesejukan di situ," katanya.

Dr Mohd Huzaimy berkata penjelajahan itu merupakan pengalaman pertama kesemua pensyarah berkenaan menjejakkan kaki di benua Antartika.

Mereka akan melakukan kajian meliputi aspek sains biologi, sains ekologi, kimia atmosfera, sains bumi, sains astronomi dan sains astrofizik.

Walaupun banyak negara telah melakukan pelbagai kajian di benua itu, namun hasil penyelidikan anak tempatan dilihat mampu disampaikan secara lebih berkesan seterusnya meningkatkan lagi aras penyelidikan negara ke tahap yang lebih tinggi, jelas beliau.

-- BERNAMA



El Nino: Kurangkan Aktiviti Luar Bilik Darjah - MB Negeri Sembilan

SEREMBAN, 12 Jan (Bernama) -- Pengetua sekolah di Negeri Sembilan disarankan mengurangkan aktiviti murid di luar bilik darjah ekoran fenomena El Nino yang kini melanda negara dan dijangka berterusan hingga Mac ini.

Selain itu, Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan turut meminta orang ramai agar melindungi diri daripada terlalu terdedah dengan cuaca panas bagi mengelak risiko strok haba.

"Penggunaan air juga perlu dijimbat, sebaiknya elak menggunakan air terawat untuk menyiram pokok bunga dan sebagainya.

"Cuaca begini menyebabkan pemeluwapan. Air di empangan cepat kering," katanya pada sidang media selepas majlis perkenalan pegawai dan pemain Liga Perdana serta Piala Presiden Negeri Sembilan 2016, di sini hari ini.

Justeru, katanya, beliau mengarahkan Syarikat Air Negeri Sembilan menyediakan laporan lengkap kesiapsiagaan mengenai tempoh ketahanan air empangan sebelum langkah persediaan diumumkan minggu depan.

Jabatan Meteorologi Malaysia sebelum ini melaporkan intensiti hujan di negara ini dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus bermula bulan ini manakala tahap fenomena El Nino pula dikategorikan sebagai 'kuat' dengan suhu negara dijangka meningkat antara 0.5 dan 2 darjah celsius.

-- BERNAMA



Perlis Mungkin Catu Air Jika Fenomena El Nino Berlanjutan

KANGAR, 12 Jan (Bernama) -- Kerajaan Perlis mungkin mencatu bekalan air jika kemarau akibat fenomena El Nino yang melanda negara sekarang berlanjutan, kata Pengerusi Jawatankuasa Sumber Asli dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Mat Rawi Kasim.

Menurut beliau catuan tidak dapat dielakkan sekiranya paras air di Empangan Timah Tasoh dan sungai yang menyusut sejak dua minggu lepas terus susut.

"Penduduk Perlis diminta bersedia jika catuan terpaksa dibuat dan berjimat menggunakan air," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Sumber utama air penduduk di selatan Perlis diperolehi dari sungai dan terusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) manakala di utara Perlis menerima bekalan dari Empangan Timah Tasoh.

Mat Rawi berkata kali terakhir Perlis dilanda kemarau teruk pada pertengahan tahun 70-an semasa Empangan Timah Tasoh belum dibina.

Sehubungan itu beliau meminta Syarikat Air Perlis (SAPs) membuat pemantauan menyeluruh di seluruh negeri untuk mengesan dan membaiki paip-paip yang bocor dengan segera.

Beliau mengingatkan orang ramai tidak melakukan pembakaran terbuka dalam keadaan kemarau sekarang bagi mengelak api merebak dengan cepat dan memerlukan banyak air untuk memadamkannya.

Jabatan Meteorologi meramalkan Perlis dan Kedah paling teruk menerima ancaman El Nino yang berkemungkinan berlarutan hingga penghujung April ini.

-- BERNAMA



MOA Guna Pam Bergerak Bantu Petani Hadapi Kemarau

KOTA BAHARU, 12 Jan (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan menggunakan pam bergerak ke kawasan pertanian, terutama kawasan tanaman padi, sebagai langkah persediaan menghadapi musim kemarau.

Timbalan Ketua Setiausaha kementerian itu Datuk Azini Mohd Shahid berkata langkah tersebut penting bagi memastikan pengeluaran hasil tanaman terutama padi tidak terjejas.

"Kita akan gunakan semula pam bergerak yang disediakan sebelum ini dengan lebih memfokuskan kepada kawasan penanaman padi memandangkan tanaman ini memerlukan air yang banyak mengikut peringkat pembesaran berbanding tanaman selain padi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis taklimat Pemutuan Padi di Pusat Latihan Lembaga Kemajuan Kemubu (KADA) di Persiaran KADA di sini, hari ini.

Azini berkata kementerian itu juga telah mengumpulkan data dan mengenalpasti kawasan-kawasan pertanian yang biasa dilanda kemarau di seluruh negara.

Beliau berkata bagaimanapun setakat ini kemarau belum mendatangkan kesan negatif kepada hasil pertanian walaupun suhu di beberapa negeri termasuk Kedah dan Perlis mencatat bacaan melebihi 35 darjah Celsius.

"Kita juga akan mengumpulkan maklumat bagi mendapatkan peruntukan bersesuaian daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membantu petani atau peladang yang mengalami kerugian ekoran kemarau," katanya.

Sebelum ini [Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail](#) dilaporkan berkata Malaysia akan mengalami fenomena El Nino iaitu musim panas berpanjangan bermula hujung bulan ini hingga Mac depan.

Mengenai pemutuan padi, Azini berkata kaedah pemutuan sebenar padi yang dimulakan pada 1 Jan lalu akan digunapakai pada tuaian musim 1/2016 di Kelantan bermula April ini.

Beliau berkata Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan KADA perlu memberi penerangan kepada pesawah kerana sebahagian besar daripada mereka masih belum memahami kaedah tersebut.

-- BERNAMA



IADA Peruntuk RM425,000 Hadapi Fenomena El Nino

PASIR PUTEH, 12 Jan (Bernama) -- Projek Pertanian Bersepadu Kemasin Semerak (IADA) memperuntukkan RM425,000 bagi menyediakan enam buah pam untuk mengepam air ke kawasan tanaman padi sebagai persediaan menghadapi kemungkinan berlaku kemarau berikutan fenomena El Nino.

Pengarah IADA Mohamed Kaberi Ghani berkata kawasan tanaman padi seluas 2,600 hektar yang terletak di Pasir Puteh dan Bachok dikenal pasti akan terjejas sekiranya berlaku kemarau yang panjang.

"Pada masa ini kawasan sawah berkenaan sudah ditanam padi sejak sebulan lepas dan dijangka boleh dituai pada April hingga Mei depan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bayaran insentif projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Padi di Pertubuhan Peladang Kawasan Tiga Daerah di sini, hari ini.

Sejumlah 147 petani yang mengusahakan tanaman padi di kawasan seluas 228 hektar di bendang Tok Khamis, Yong A dan Yong B di sini (Pasir Puteh) menerima bantuan insentif itu berjumlah RM457,400.

Mohamed Kaberi berkata 16 buah pam automatik yang ada sekarang mungkin tidak dapat berfungsi dengan baik sekiranya paras air sungai Kemasin di Bachok dan Terusan Semerak di Pasir Puteh turun berikutan kemarau.

Jabatan Meteorologi Malaysia sebelum ini melaporkan intensiti hujan negara dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus bermula bulan ini dan tahap El Nino kini dikategorikan sebagai 'kuat' dengan suhu negara dijangka meningkat antara 0.5 dan 2 darjah celsius.

-- BERNAMA